

SIARAN MEDIA

Untuk Siaran Segera

Komunikasi Korporat Kumpulan

Tingkat 31, Menara Bank Islam

No. 22 Jalan Perak

50450 Kuala Lumpur

Telefon 03 2088 8000

Fax 03 2781 2998

www.bankislam.com.

BANK ISLAM KURANGKAN KADAR ASAS KEPADA 3.27% DAN KADAR PEMBIAYAAN ASAS KEPADA 6.22%

KUALA LUMPUR, Khamis, [5 Mac 2020]: Bank Islam Malaysia Berhad ("Bank Islam") menurunkan Kadar Asas ("BR") sebanyak **25** mata asas daripada 3.52% kepada **3.27%** setahun, manakala Kadar Pembiayaan Asas ("BFR") dikurangkan daripada 6.47% kepada **6.22%** berkuat kuasa **6 Mac 2020**. Tindakan ini adalah susulan penurunan Kadar Dasar Semalaman ("OPR") yang telah diumumkan oleh Bank Negara Malaysia baru-baru ini. Dalam pada itu, kadar deposit juga akan diselaraskan ke bawah sebanyak 25 mata asas, berkuat kuasa pada hari yang sama.

Ketua Pegawai Eksekutif Bank Islam, Mohd Muazzam Mohamed berkata, "Selain Pakej Rangsangan Ekonomi 2020 yang diumumkan pada 27 Februari 2020, penurunan OPR ini adalah perlu bagi merangsang ekonomi negara. Langkah pengurangan ini akan membolehkan pengguna memegang lebih banyak tunai dalam tangan, dan seterusnya memberi kesan yang lebih positif terhadap penggunaan domestik. Bank Islam akan terus menyokong dalam membantu perniagaan dan individu mengurangkan kesan ketidakpastian yang muncul baru-baru ini."

Bank Islam juga menawarkan moratorium sementara sehingga tempoh enam bulan untuk pembayaran pembiayaan bulanan bagi pelanggan individu atau perniagaan yang terjejas akibat penularan penyakit novel coronavirus (COVID-19).

Semakan terakhir BR Bank Islam telah dilaksanakan pada 28 Januari 2020, iaitu daripada 3.77% kepada 3.52%, manakala BFR diturunkan daripada 6.72% kepada 6.47%.

Untuk makluman lanjut, sila layari www.bankislam.com.

Mengenai Bank Islam Malaysia Berhad

Bank Islam Malaysia Berhad, anak syarikat kepada BIMB Holdings Berhad, ditubuhkan pada 1983 sebagai bank Islam pertama di Malaysia. Sehingga kini, Bank Islam mempunyai 144 cawangan dan lebih daripada 1,000 terminal layan diri di seluruh negara. Bagi memenuhi keperluan kewangan masyarakat Malaysia umumnya, Bank Islam menawarkan lebih daripada 70 produk dan perkhidmatan perbankan berlandaskan Syariah untuk memenuhi keperluan penganut agama Islam dan bukan Islam. Untuk maklumat lebih lanjut mengenai produk dan perkhidmatan Bank Islam, sila lawati www.bankislam.com atau hubungi Pusat Panggilan Bank Islam di talian 03-26 900 900.

<p>Wan Norkhairi Wan Samad Ketua, Komunikasi Korporat Kumpulan Bank Islam Malaysia Berhad Aras 31, Menara Bank Islam No. 22, Jalan Perak 50450 Kuala Lumpur Tel: 03-2782 1232 Tel. bimbit: 019-339 4491 Faks: 03-2781 2998 Emel: wnorkhairi@bankislam.com.my Web: www.bankislam.com.</p>	<p>Omar Atin Penolong Timbalan Presiden Perhubungan Awam Komunikasi Korporat Kumpulan BIMB Holdings Berhad Aras 31, Menara Bank Islam No. 22, Jalan Perak 50450 Kuala Lumpur Tel.: 03-2781 2943 Tel. bimbit: 019-391 9144 Faks: 03-2781 2998 Emel: omar@bimbholdings.com Web: www.bimbholdings.com</p>
---	--